

# INPENS

INDUSTRI PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

**EDISI**  
10/2018

## MAJLIS PELAJAR PROGRAM IKT

Disempurnakan oleh:  
**YAB Dato' Seri Mohamed A**  
**Dato' Menteri Besar Selangor**



**IKTISASS**

INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKHTISAS SMART SELANGOR

INPENS selaku institusi kemahiran di bawah Kerajaan Negeri Selangor terus dipercayai dalam memperkasa ilmu kemahiran melalui landasan teknikal, vokasional dan profesional. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) 2018 yang dilancarkan Kerajaan Negeri di Sunway Convention Centre pada 25 Mac 2018 yang lalu turut melantik INPENS sebagai rakan strategik menjayakan IKTISASS.

■ Berita lanjut di mukasurat 3

### MENARIK DI DALAM!

#### INPENS Pecah Rekod Jumlah Pengambilan Pelajar!

4



Seramai 701 orang pelajar baharu telah mendaftar di INPENS International College (INPENS) bagi sesiambilan Januari 2018. Angka pengambilan ini juga telah memecahkan rekod terdahulu iaitu seramai 500 orang pelajar.

#### Dita Creative: Butik Dalam Kampus

6



INPENS kini melangkah gagah setapak lagi dengan pembukaan butik jahitan dalam kampusnya iaitu Dita Creative. Butik yang mula beroperasi awal Februari lalu turut mengambil pelbagai tempahan pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak.

#### Perkongsian Berharga dari Pusat Latihan DAIKIN di Osaka

7



INPENS melalui wakilnya Encik Muhammad Hafiz bin Nordin telah menyertai satu sesi lawatan pembelajaran ke Pusat Latihan Daikin, Osaka, Jepun. Lawatan yang berlangsung pada 27 Februari hingga 3 Mac yang melibatkan seramai 22 peserta dari pelbagai agensi.

# DARI KAMAR KETUA EKSEKUTIF

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Syukur pada Allah, kita telah diberikan kesempatan bersua lagi melalui wadah Buletin INPENS. Tahun 2018 telah pun mengakhiri suku pertamanya, dan seiring waktu berlalu saya melihat cabaran yang digalas INPENS kini semakin besar.

Dalam usaha mengarus perdanakan pendidikan teknikal dan kemahiran, Kerajaan Negeri Selangor pada 25 Mac 2018 yang lalu telah melancarkan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS). Inisiatif yang pertama kali diumumkan ketika pembentangan Belanjawan Negeri Selangor 2018 telah memperuntukkan dana sebanyak RM52 juta bagi memberikan latihan teknikal, vokasional dan profesional kepada *millenials* Selangor khususnya lepasan SPM.

Alhamdulillah, ketika majlis pelancaran tersebut juga, INPENS telah diumumkan sebagai **rakan strategik kepada Program IKTISASS 2018**. Ini membuktikan peranan dan tanggungjawab INPENS sebagai penyedia latihan kemahiran yang berprestij menjadi semakin besar dan berimpak. INPENS tidak mahu ketinggalan dalam menjayakan agenda ini kerana menyedari keperluan negara dan negeri kepada tenaga mahir amatlah tinggi. Oleh itu, INPENS berikrar akan memastikan keberhasilan graduan INPENS dapat memenuhi keperluan industri-industri global yang banyak bertapak di negeri ini.

Mengakhiri coretan saya pada kali ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS Edisi ke-10 di atas usaha memastikan penerbitan buletin ini kekal berimpak demi memperkasakan bidang kemahiran. InsyaAllah, kita berjumpa lagi dalam penerbitan seterusnya.

“Cemerlang Bersama INPENS”



**Y.Bhg. Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman**  
Ketua Eksekutif INPENS



## TINTA KETUA EDITOR

Assalamu'alaikum W.B.T. dan Salam Jubli Perak...

Alhamdulillah, telah diberi kesempatan lagi kepada kita semua untuk perkongsian dunia kemahiran melalui Buletin INPENS untuk edisi ke-10 ini. Semoga semua pembaca berada dalam keadaan sihat wal'afiat dan diberkati selalu hendak-Nya.

Buletin INPENS Edisi Ke-10 merupakan penutup kepada tema 'Transformasi INPENS' yang hingar dilaungkan sejak edisi ke-7 lagi. Selepas ini satu tema baharu pula akan diperkenalkan selaras dengan Sambutan Jubli Perak INPENS menjelang Jun ini. Saya secara peribadi amat teruja dengan usia 25 tahun ini kerana masih banyak peluang dan cabaran yang boleh diterokai oleh INPENS dan tentunya saya sendiri.

Fokus utama penerbitan kali ini memaparkan pengiktirafan INPENS sebagai rakan strategik kepada Program IKTISASS 2018 dan juga catatan rekod pengambilan pelajar bagi sesi Januari yang lalu. Edisi transformasi terakhir ini turut berkongsi berkaitan pembukaan butik dalam kampus iaitu Dita Creative. Selain itu, warna-warni Majlis penyerahan surat tawaran Program Kemahiran Teknikal Negeri Selangor 2018 turut dicoretkan dalam edisi kali ini.

Sekian, selamat membaca!

**Nur 'Adnin Syamil Halik Bassah** | Ketua Editor

## SIDANG REDAKSI

- **Penaung**  
Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman
- **Penasihat**  
Encik Jefri bin Mejan
- **Ketua Editor**  
Nur 'Adnin Syamil binti Halik Bassah
- **Penolong Editor**  
Siti Noor Hani binti Mohd Fatoni
- **Pereka Grafik**  
Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

- **Wartawan**  
Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin  
Siti Rahimah binti Mohamad Noor  
Mohd Zuzaily bin Zulkufefe
- **Jurugambar**  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- **Pembantu Redaksi**  
Jabatan Latihan Kemahiran & Hubungan Industri  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Bahagian Sumber Manusia  
Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-10 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel/rencana/berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

**KETUA EDITOR BULETIN INPENS**  
INPENS International College,  
Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3281 2617 / 19 / 21  
Faks : 03-3281 2625  
Email : syamil@inpens.edu.my





# IKTISASS 2018

## MENGARUS PERDANA TEKNIKAL, VOKASIONAL & PROFESIONAL DI NEGERI SELANGOR

**25 Mac 2018** - INPENS selaku institusi kemahiran di bawah Kerajaan Negeri Selangor terus dipercayai dalam memperkasa ilmu kemahiran melalui landasan teknikal, vokasional dan profesional. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal Dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) 2018 yang dilancarkan Kerajaan Negeri di Sunway Convention Centre pada 25 Mac lalu yang turut melantik INPENS sebagai rakan strategik menjayakan IKTISASS.

Dalam ucapan perasmiannya, Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohamed Azmin bin Ali berkata usaha ini membuktikan Kerajaan Negeri serius membangunkan latihan kemahiran teknikal, vokasional dan profesional bagi memenuhi aspirasi millenials demi menjamin kebolehpasaran mereka. Menurut beliau lagi, Kerajaan Negeri sangat komited dalam memastikan jumlah tenaga mahir dipertingkatkan agar mencapai sasaran 50 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang bagi memastikan Selangor kekal gah sebagai negeri perindustrian berpendapatan tinggi.

INPENS melalui IKTISASS 2018 berperanan melatih belia-belia Selangor mempelajari bidang kemahiran yang berasaskan Industri 4.0 seperti penyaman udara, automotif, elektrik dan sistem komputer di peringkat asas hinggalah ke peringkat mahir dengan kerjasama pelbagai peneraju industri.

Sementara itu, Ahmad Zabri Mohd Yaman yang juga Ketua Eksekutif INPENS berkata, pengiktirafan INPENS sebagai rakan strategik IKTISASS membuktikan bidang kemahiran merupakan bidang yang semakin signifikan kepada kemajuan negeri. Ini ditambah pula dengan strategi INPENS yang menawarkan pengajian kursus-kursus kemahiran yang mempunyai impak merealisasikan gelombang Industri 4.0.





# PENGAMBILAN PELAJAR JANUARI 2018: INPENS CATAT REKOD TERTINGGI



Seramai 701 orang pelajar baharu telah mendaftar di INPENS International College (INPENS) bagi sesiambilan Januari 2018 untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang kemahiran yang diminati. Angka pengambilan ini juga telah memecahkan rekod terdahulu iaitu seramai 500 orang pelajar. Rata-rata yang hadir mendaftar menyedari Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education Training ataupun singkatannya TVET) merupakan bidang yang menjadi keberutamaan di banyak industri. Ini ditambah lagi dengan gelombang revolusi Industri 4.0 yang memerlukan lebih ramai tenaga mahir bagi menjayakan revolusi tersebut.

Sementara itu, Ketua Eksekutif INPENS, Ahmad Zabri bin Yaman berkata, beliau teruja dengan perkembangan dunia pendidikan TVET pada hari ini. Beliau turut berkata masyarakat kini perlu yakin bahawa bidang kemahiran adalah untuk semua belia yang berpotensi dan bukan hanya untuk golongan keciciran akademik sahaja.

“Semakin ramai yang memilih aliran kemahiran kerana menyedari kepentingan tenaga mahir ini di dalam membangunkan ekonomi negara. Buktinya, INPENS dibanjiri lebih 600 orang pelajar baharu sedangkan pengambilan sebelum ini hanya mencapai angka 500 orang pelajar sahaja. Dalam masa sama, saya turut berhasrat mengangkat martabat pendidikan kemahiran ini ke aras lebih tinggi dengan melahirkan alumni INPENS yang berkemahiran dan berkarakter unggul”, ujar Ahmad Zabri.

Beliau turut berkata, belia-belia yang berminat dengan bidang kemahiran, sentiasa boleh menghubungi INPENS di pelbagai medium seperti laman sesawang, panggilan telefon, facebook, instagram atau menerusi aplikasi WhatsApp untuk mengetahui peluang melanjutkan pengajian di INPENS.

INPENS yang beroperasi di Kuala Selangor menjalankan kursus kemahiran sejak 2006 kini menawarkan pendidikan kemahiran di dalam pelbagai bidang iaitu automotif, motosikal, penyamanan udara, teknologi maklumat, jahitan, kecantikan, dandan rambut, kulineri, pastri, elektrik dan elektronik. Sesi ini turut mencatat sejarah tersendiri apabila memperkenalkan sebuah kursus baharu iaitu semburan cat automotif.





**PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL NEGERI SELANGOR**

**RM5 JUTA UNTUK BIAYA PELAJAR KEMAHIRAN**

Pada 16 Mac lalu, seramai 349 orang pelajar telah menerima surat tawaran Program kemahiran Teknikal Negeri Selangor untuk pembiayaan pengajian mereka di INPENS. Majlis tersebut telah disempurnakan Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman. Hadir sama, Penolong Pengarah Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Selangor, Cik Siti Sarah Abu Samah.

Di dalam ucapannya, Y.B. Tuan Ganabatirau berkata kesemua pelajar yang terlibat menerima pembiayaan penuh oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Menurut beliau lagi, ia merupakan peruntukan khusus bagi menaja anak Selangor mengikuti Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) di INPENS yang merangkumi yuran pengajian, penginapan asrama, makanan dan elaun sara diri.

Menurut beliau lagi, Kerajaan Negeri percaya graduan INPENS adalah berkualiti dan mampu bersaing secara positif. Kerajaan Negeri juga percaya pelajar INPENS bersedia menghadapi gelombang Industri 4.0 yang galak diperkatakan dan sebagai langkah awal INPENS sudah menjalinkan kerjasama dengan banyak penggiat industri.

Sementara itu, Y.B. Tuan Ganabatirau berkata, sehingga Februari lalu, seramai 3,913 pelajar telah menerima pembiayaan daripada Kerajaan Negeri. Terdahulu, dalam Belanjawan Selangor 2018, Kerajaan Negeri memberi peruntukan tambahan RM1 juta menjadikan RM5 juta bagi membiayai pelajar INPENS daripada keluarga kurang berkemampuan.





# DITA CREATIVE: BUTIK DALAM KAMPUS



## Tempahan / Pertanyaan

Pn. Zalina Rahmat (013-3960 104)

En. Che Muhamad (019-3646 758)

INPENS kini melangkah gagah setapak lagi dengan pembukaan butik jahitan dalam kampusnya iaitu Dita Creative. Perkataan 'dita' yang berasal daripada Bahasa Itali bererti jari jemari sekali gus membawa maksud 'Jari Jemari Kreatif' kepada butik tersebut.

Butik yang mula beroperasi awal Februari lalu turut mengambil pelbagai tempahan pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak. Malahan tempahan baju bagi sambutan Aidilfitri tahun ini telah mula dibuka kepada umum. Dita Creative turut menawarkan pakej menarik untuk tempahan seisi keluarga.

Dita Creative merupakan butik di bawah kelolaan Sektor Tekstil dan Pakaian INPENS. Mereka yang berminat untuk menghantar tempahan baju atau mengajukan sebarang pertanyaan boleh berbuat demikian dengan menghubungi Puan Zalina Rahmat di talian 013-3960104 atau Encik Che Muhamad di talian 019-3646758.



# PERKONGSIAN BERHARGA DARI PUSAT LATIHAN DAIKIN DI OSAKA

**I**NPENS melalui wakilnya Muhammad Hafiz bin Nordin telah menyertai satu sesi lawatan pembelajaran ke Pusat Latihan DAIKIN di Osaka, Jepun. Lawatan yang berlangsung pada 27 Februari hingga 3 Mac turut melibatkan 22 peserta dari pelbagai agensi.

Muhammad Hafiz yang ditemui berkata peserta-peserta diberi pendedahan terkini berkaitan industri penyaman udara di Jepun dan teknologi yang bakal dibangunkan dalam lawatan tersebut. Hafiz turut menambah, pelbagai teknologi baharu telah dipelajari selain memahami keperluan unit penyaman udara berdasarkan faktor geografi sesebuah negara.

Ketua Eksekutif INPENS, Ahmad Zabri Mohd Yaman berkata lawatan tersebut juga membuktikan INPENS bukan sahaja menawarkan pengajian kemahiran bertaraf industri malahan menunjukkan hubungan yang kukuh di antara INPENS dan industri-industri utama global. INPENS membuka peluang kepada semua golongan belia yang bersemangat tinggi untuk menyertai INPENS pada sesi pengambilan seterusnya, ujar beliau lagi.







# LAWATAN KORPORAT DARIPADA MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

Diketahui oleh: **Y.M. Raja Shahreen  
bin Raja Othman**  
(Ketua Pegawai Eksekutif MBI)

**Tarikh : 28 Februari 2018**



# LAWATAN AKADEMIK DARIPADA KOLEJ VOKASIONAL KLANG

**Tarikh : 27 Mac 2018**







# LAWATAN AKADEMIK DARIPADA PEJ. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR & SELANGOR BUSINESS SCHOOL

Diketahui oleh: **Prof. Dr. Mohd. Faiz Abdullah**  
(Penasihat Dasar Antarabangsa kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor)

**Tarikh : 2 April 2018**



# LAWATAN KERJASAMA INDUSTRI DARIPADA HONG LEONG YAMAHA MOTOR SDN BHD



**Tarikh : 5 April 2018**





# INPENS TEAM BUILDING





# & RETREAT 2018

**B**agi mengukuhkan ikatan kerjasama di antara kakitangan di INPENS, satu program pembangunan pasukan (team building) telah dilaksanakan bermula 2 Februari hingga 4 Februari 2018. Program yang dijalankan di Lost World of Tambun, Perak itu turut diadakan bagi menghargai jasa kakitangan INPENS yang telah bekerja keras di sepanjang tahun 2017.

Ketua Eksekutifnya, Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman berkata program ini merupakan program team building kedua yang dianjurkan INPENS. Terdahulunya, INPENS telah menganjurkan program sama pada tahun 2016 bertempat di Ampang Pecah, Kuala Kubu Baru. Menurut beliau, program ini bakal mengeratkan lagi hubungan di

antara kakitangan baharu dan lama. Dalam masa sama, tujuan program sebegini dianjurkan adalah untuk meraikan usaha kakitangan yang telah berkhidmat dengan komited pada 2017, ujar beliau lagi.

Selain beberapa modul pembangunan pasukan bertemakan rekreasi air, kakitangan yang menghadiri program berkenaan turut diraikan di dalam satu majlis makan malam yang bertemakan 'flora dan fauna'. Pada malam tersebut Encik Muhamad Mustaqim bin Mohd Zulkepli dan Puan Siti Aishah binti Bahagia yang juga pasangan suami isteri telah dinobatkan sebagai 'King and Queen of the night' kerana berpakaian paling menarik dan menepati tema yang ditetapkan.





# KURSUS SEMBURAN CAT BERSAMA SAMURAI PAINT

**Tarikh**  
**Peserta**  
**Tempat**

6 Februari 2018  
25 orang pelajar INPENS  
Bengkel Kursus Semburan Cat, Sektor Teknologi Automotif INPENS



# KURSUS TOTAL PRODUCTIVE MAINTENANCE WORKSHOP (TPM) BERSAMA PERODUA

**Tarikh**  
**Peserta**  
**Tempat**

7 & 8 Februari 2018  
18 orang kakitangan INPENS  
Bilik Korporat INPENS





# PROGRAM PEMANTAPAN PROFESSIONALISME PENDIDIKAN **TENAGA PENGAJAR TVET**

**Tarikh**  
**Peserta**

3, 4 & 5 Januari 2018

18 orang tenaga pengajar dari Sektor Teknologi Automotif, Sektor Teknologi Motosikal dan Sektor Teknologi Penyamanan Udara

**Tempat**  
**Konsultan**  
**Penceramah**

Carlton Holiday Hotel & Suites, Shah Alam

NH Strategic Resources

1. Dr. Haji Norhisham Mohd Alwi

2. Prof. Madya Dr. Hajah Fauziah Hanum Abdul Ghani



# PROGRAM TRANSFORMATIONAL AND SUSTAINABLE LEADERSHIP **FOR HODs OF INPENS**

**Tarikh**  
**Peserta**

30, 31 Mac dan 1 April 2018

16 orang ketua-ketua bahagian/sektor

**Tempat**  
**Konsultan**  
**Penceramah**

Carlton Holiday Hotel & Suites, Shah Alam

NH Strategic Resources

Dr. Haji Norhisham Mohd Alwi






# AUDITORIUM INPENS: MODEN DAN BAHARU!

**M**elengkapkan proses tarsformasinya, Auditorium INPENS kini berwajah moden dan baharu. Auditorium yang berkapasiti 300 tempat duduk tersebut dilengkapi dengan kemudahan penyaman udara, projektor LCD dan sistem audio.

Auditorium yang dinaik taraf ini sesuai untuk penganjuran seminar, kursus, taklimat dan majlis anugerah berskala kecil atau sederhana. Selain untuk kegunaan dalaman, Auditorium ini turut dibuka kepada sewaan luar.

Sebarang pertanyaan atau tempahan, boleh menghubungi Jabatan Kewangan & Pentadbiran INPENS di talian 03-3281 2617 atau 2619.





SAMBUTAN  
HARI LAHIR  
KAKITANGAN

# Happy Birthday



Disember '17



Januari '18




Februari '18



Mac '18







## MOHD KHAIRUL MUZAMMIL BIN MOHD SALIM INFO ALUMNI

**KURSUS** : OPERASI SISTEM KOMPUTER

**SEKTOR** : TEKNOLOGI MAKLUMAT

**TAHUN** : 2010

**KERJAYA** : PENOLONG PENGURUS (JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT) DI VIMS TECHNOLOGY SDN BHD

**PENDAPATAN** : RM3,000.00 – RM4,000.00 SEBULAN

**INPENS** : ***Kenapakah anda memilih INPENS?***

**Muzammil** : Saya memilih INPENS kerana barisan tenaga pengajar yang berpengalaman dan lokasinya yang sangat strategik sebagai sebuah institusi pendidikan. Saya juga melihat INPENS adalah platform terbaik untuk mengembangkan potensi pelajar-pelajar dalam bidang kemahiran yang diminati.

**INPENS** : ***Boleh ceritakan pengalaman anda semasa berada di INPENS?***

**Muzammil** : Belajar di INPENS merupakan suatu pengalaman yang menyeronokkan dan tidak akan saya lupakan. Saya telah mendedikasikan sebahagian masa muda untuk membangunkan kemahiran diri saya dan belajar bagaimana untuk menghadapi realiti alam pekerjaan. Di INPENS juga saya telah diajar untuk berurusan dengan pelanggan-pelanggan dan diterapkan dengan ilmu keusahawanan.

**INPENS** : ***Apakah pendapat anda berkaitan peluang kerjaya di dalam bidang sistem komputer?***

**Muzammil** : Peluang pekerjaan bagi graduan system computer dan IT pada masa kini lebih sangat meluas. Ini disebabkan kebergantungan manusia kepada IT adalah hampir menyeluruh terutamanya dalam menjalankan aktiviti perniagaan, penstoran maklumat dan menjalankan rutin harian seperti pembayaran bil, perbankan, membeli belah dan berbagai lagi. Oleh itu, set unit komputer yang dapat berfungsi dengan baik akan melancarkan pelbagai urusan perniagaan atau peribadi setiap individu.

**INPENS** : ***Bagaimanakah kerjaya anda sekarang?***

**Muzammil** : Saya kini berkhidmat sebagai Penolong Pengurus di Jabatan IT di sebuah syarikat tempatan. Di sini saya telah mengaplikasikan segala kemahiran yang telah dipelajari dan juga diperkenalkan dengan banyak ilmu-ilmu IT terkini seiring dengan pergerakan teknologi dunia.

**INPENS** : ***Apakah nasihat anda kepada pelajar yang masih menuntut di INPENS?***

**Muzammil** : Nasihat saya ialah gunakan masa yang ada dengan mempelajari ilmu kemahiran yang diminati. Apabila tamat pengajian, gunakan ilmu sebaik-baiknya untuk membina dan mengembangkan kerjaya agar dapat menyumbang kepada ekonomi negara. Pilihlah bidang yang berpotensi dan mendapat permintaan yang tinggi terutamanya bidang yang diperlukan dalam rutin harian masyarakat.